

Ahad – 05 Julai 2020

Halaman : 04

## Pasangan orang asli individu pertama mengundi



Ku Yu (kanan) dan isterinya, Beriah Mohsin, 65, menunjukkan jari dicat dakwat biru sebagai tanda selesai mengundi di pusat pengundian di Dewan Mempelas, Kampung Salong, Pekan semalam.

**PEKAN** - Pasangan Orang Asli Jakun menjadi individu pertama mengundi dalam suasana normal baharu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini di sini semalam.

Ku Yu Mat, 63, berkata, proses mengundi kali ini berbeza berbanding Pilihan Raya Umum (PRU) yang pernah dilaluinya.

Katanya, kali ini dia perlu mematuhi prosedur

operasi standard (SOP) yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Saya selesa dengan proses pengundi sebegini kerana kita tidak perlu bersesak-sesak."

"Saya perlu cuci tangan dan jaga jarak bagi mengelak jangkitan koronavirus (Covid-19)," katanya kepada *Sinar Harian* di Pusat Daerah Mengundi Dewan Mempelas, Kampung Salong di sini semalam.